

13/03/2003

Program Dasar Sosial Negara pertengahan tahun ini

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan melaksanakan program Dasar Sosial Negara (DSN), mulai pertengahan tahun ini bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan mapan dalam pelbagai aspek.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata DSN adalah dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia.

Beliau berkata, semua kandungan dalam DSN itu sudah diluluskan Kabinet pada 19 Februari lalu dengan perancangan awal dasar itu dikendalikan oleh satu Jawatankuasa Khas Kabinet.

Katanya, tugas jawatankuasa khas itu kini ambil alih oleh Majlis Sosial Negara (MSN) yang akan dipertanggungjawab sepenuhnya bagi melaksanakan semua perancangan dasar berkenaan.

'Sehubungan itu, kementerian akan bermesyuarat mengenai perkara itu pada Mei depan bagi memastikan semua kegiatan yang dijalankan dapat mula dilaksanakan,' katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementeriannya di pejabatnya di Wisma Bumi Raya, di sini semalam.

Siti Zaharah berkata, DSN adalah dasar payung merangkumi falsafah dan semua dasar pembangunan sosial berteraskan kepada perlembagaan, rukun negara, Wawasan 2020 serta komitmen negara pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, bagi merealisasikan pelaksanaan strategi dalam DSN, MSN yang menjadi badan tertinggi itu akan dipengerusikan sendiri oleh Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

'Keanggotaan MSN itu pula terdiri daripada Menteri Kabinet yang berkaitan dengan sektor sosial dengan Ketua Setiausaha kementerian akan bertindak sebagai urus setia,' katanya.

Sehubungan itu, katanya, pencapaian DSN bergantung kepada kewujudan satu struktur yang mantap di semua peringkat bagi menyelaras perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program terhadap kegiatan pembangunan sosial yang dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan, sektor swasta dan sukarela.

Beliau berkata, satu jawatankuasa peringkat persekutuan, negeri dan daerah juga akan ditubuhkan bagi menyelaras dan melaksanakan keputusan MSN di peringkat persekutuan dan negeri.

Siti Zaharah berkata, DSN juga bermatlamat mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan mapan dari segi sosial, ekonomi dan teknologi

dengan setiap anggota masyarakat berpeluang serta berkeinginan untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum.